

**KESEJAHTERAAN SOSIAL PEKERJA DALAM SEKTOR
EKONOMI GIG DI SEKITAR KOTA KINABALU, SABAH**

YUSSYAHFIRAH BINTI JEFRI

BA19161011



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2022

**KESEJAHTERAAN SOSIAL PEKERJA DALAM SEKTOR
EKONOMI GIG DI SEKITAR KOTA KINABALU, SABAH**

YUSSYAHFIRAH BINTI JEFRI

BA19161011



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KAJIAN
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA
MUDA HUBUNGAN INDUSTRI**

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2022

PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil daripada kerja saya sendiri yang bertajuk Kesejahteraan Sosial Pekerja Dalam Sektor Ekonomi Gigi di Sekitar Kota Kinabalu, Sabah, kecuali terdapat sebarang keculi, nukilan, ringkasan dan tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Ogos 2022

Feerah.

YUSSYAHFIRAH BINTI JEFRI

BA19161011



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

**KESEJAHTERAAN SOSIAL PEKERJA DALAM SEKTOR EKONOMI GIG DI SEKITAR KOTA
KTNABALU, SABAH**

Oleh:

YUSSYAHFIRAH BINTI JEFRI

BA19161011

Latihan kajian ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian dalam bidang Hubungan Industri.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

22 September 2022

Penyelia

Tarikh: 22 September 2022

EN. AZIZAN BIN HJ. MORSHIDI

Pensyarah Hubungan Industri

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang,

Bersyukur ke atas hadrat ilahi dengan limpahan kurnia-Nya yang dianugerahkan kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan penuh jayanya.

Pertama sekali saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini dengan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia bagi penyelidikan yang saya lakukan di peringkat Ijazah Sarjana Muda ini iaitu Encik Azizan bin Hj. Morshidi atas segala tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya telah membuka ruang untuk saya menjayakan penyelidikan ini.

Selain itu, saya juga mahu mengucapkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelarass Latihan Ilmiah hubungan Industri iaitu Dr. Noor Syakirah bte Zakaria dan tidak terlupa juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah bagi Program Hubungan Industri yang secara tidak langsung memberi tunjuk ajar serta dorongan dalam memotivasian saya bagi menyiapkan penyelidikan ini.

Bukan itu sahaja, tidak terlupa juga kepada bapa saya Encik Jafri bin Omar yang menyokong saya dalam menyiapkan penyelidikan ini. Sahabat-sahabat saya iaitu Farah Nur Fadhilah, Eve Caneera dan Syafiq Sahidal. Seterusnya, keluarga saya Nurain Anira dan Fareena Eliya. Mereka sememangnya telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehingga saya berjaya menghabiskan penyelidikan ini.

Akhir madah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam penyelidikan saya ini. Semoga Allah S.W.T membalas jasa baik kalian.

ABSTRAK

Servis perkhidmatan penghantaran makanan sememangnya beroperasi secara atas talian sahaja yang merupakan insentif kepada orang ramai seperti wanita bekerja bagi meringankan tanggungjawab mereka sebagai ibu dan isteri yang tidak sempat untuk memasak dan menjimatkan masa dan tenaga mereka dalam hal sedemikian. Penghantaran makanan atas talian semakin berkembang pesat dan servis mereka semakin digunakan di Negara maju dan Negara yang membangun kerana sudah menjadi trend kehidupan dalam kalangan rakyat dalam sesebuah Negara kerana manfaatnya. Dalam pada itu, tidak ketinggalan juga di Malaysia khususnya di Tower B 1 Borneo condominium dan sekitar kawasan Kota Kinabalu, Sabah. Oleh itu, objektif dalam penyelidikan yang dilakukan ialah objektif yang pertama untuk mengkaji sejauhmanakah pihak pengurusan syarikat servis perkhidmatan penghantaran makanan dapat menjaga kesejahteraan dan kebajikan sosial para pekerja. dan mengenalpasti faktor penglibatan pekerja dalam pekerjaan dan cabaran ekonomi GIG servis perkhidmatan penghantaran makan di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Metodologi yang digunakan dalam mencapai objektif kajian ini adalah pendekatan kualitatif dengan melakukan temu bual kepada 4 orang informan yang merupakan pemandu bagi servis penghantaran makanan di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Informan ini bekerja kepada beberapa organisasi servis penghantaran makanan yang terkenal di sekitar kawasan kajian iaitu GrabFood dan FoodPanda. Hasil penyelidikan ini mendapati bahawa organisasi servis penghantaran makanan ini seperti GrabFood dan FoodPanda telah menyediakan dan memberi berapa jenis kebajikan sosial kepada para pekerjanya. Antaranya ialah menyediakan pemberian insentif, skim perlindungan sosial, waktu jam bekerja, ganjaran dan penghargaan kepada pekerja.

Kata kunci: Ekonomi Gig, Atas Talian, Perkhidmatan, Penghantaran, Kesejahteraan

ABSTRACT

The food delivery service actually operates online only which is an incentive for people such as working women to ease their responsibilities as mothers and wives who do not have time to cook and save their time and energy in such matters. Online food delivery is growing rapidly and their services are increasingly used in developed countries and developing countries because it has become a trend of life among people in a country because of its benefits. In the meantime, it is not left behind in Malaysia, especially in Tower B 1 Borneo condominium and around the area of Kota Kinabalu, Sabah. Therefore, the objective in the research done is the first objective to study the extent to which the management of the food delivery service company can maintain the welfare and social welfare of the employees and identify factors of employee involvement in work and economic challenges of GIG meal delivery services around Kota Kinabalu, Sabah. The methodology used in achieving the objectives of this study is a qualitative approach by interviewing 4 informants who are drivers for food delivery services around Kota Kinabalu, Sabah. This informant works for several well-known food delivery service organizations around the study area, namely GrabFood and FoodPanda. The results of this research found that these food delivery service organizations such as GrabFood and FoodPanda have provided and given many types of social welfare to their employees. Among them is providing incentives, social protection schemes, working hours, rewards and appreciation to employees.

Key words: Gig economy, Online, Services, Delivery, Well-being

ISI KANDUNGAN

TAJUK	--
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi-x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
 BAB 1	
Pengenalan	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2-4
1.3 Permasalahan Kajian	5-6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Signifikan Kajian	9



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.8 Definisi Operasi	10-12
1.9 Susunan Tesis	13-14
1.0 Rumusan	15

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Definisi Konsep	17
2.2.1 Perkhidmatan Penghantaran Makanan Atas Talian	17
2.2.2 Ekonomi Gig	18
2.2.3 E-dagang	19
2.3 Faktor-faktor Ekonomi Gig Menjadi Perhatian Untuk Menjana Pendapatan	20-22
2.4 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Para Pekerja Dalam Ekonomi Gig	22-25
2.5 Status Para Pekerja Ekonomi Gig	25-26
2.6 Aplikasi Yang Digunakan Oleh Para Pekerja Ekonomi Gig	26-27
2.7 Jaminan Kesejahteraan dan Kebajikan Sosial Kepada Para Pekerja Ekonomi Gig	28-30
2.8 Teori Hierarki Keperluan Moslow	31-33
2.9 Kerangka Teoritikal	33-34

BAB 3**METODOLOGI PENYELIDIKAN**

3.1 Pengenalan	35-37
3.2 Reka Bentuk Kajian	38-39
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	40-42
3.4 Teknik Persampelan	42-43
3.5 Teknik Penggumpulan Data	43-51
3.6 Instrumen Kajian	51-53
3.7 Kaedah Menganalisis Data	53-55
3.8 Rumusan	56

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	57-59
4.2 Analisis Demografi Deskriptif Informan	60-61
4.3 Sejaumanakah Pihak Pengurusan Ekonomi Gig sektor perkhidmatan penghantaran makanan secara atas talian dapat menjaga kesejahteraan dan kebajikan sosial para pekerja.	62-65
4.3.1 Pemberian dari segi insentif	66-68
4.3.2 Pemberian Skim Perlindungan Sosial	69-71
4.3.3 Ganjaran dan Penghargaan Sosial	68-70
4.3.4 Waktu jam bekerja	72--74
4.4 Mengenalpasti Faktor Penglibatan Pekerja Dalam Pekerjaan	76-77

Ekonomi Gig Dan Cabaran Pekerjaan Ekonomi Gig Di Sekitar

Kota Kinabalu, Sabah

4.4.1 Faktpr Ekonomi Gig Menjadi Pilihan Dalam Kalangan Para Pekerja	77-80
4.4.2 Cabaran Pekerjaan Dalam Sektor Ekonomi Gig	80-82
4.4.3 Pendapatan Yang Diperolehi	82-84
4.5 Rumusan	85

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	86-87
5.2 Ringkasan Kajian	87-90
5.3 Perbincangan dan Dapatan Kajian	90-91
5.3.1 Sejauhmanakah Pihak Pengurusan Syarikat Servis Perkhidmatan Penghantaran Makanan Dapat Menjaga Kesejahteraan Dan Kebajikan Sosial Para Pekerja	91-92
5.3.1.1 Pemberian Dari Segi Insentif	92-93
5.3.1.2 Pemberian Dari Segi Skim Perlindungan Sosial	94-95
5.3.1.3 Ganjaran Dan Penghargaan Kepada Pekerja	95-96
5.3.1.4 Waktu Jam Bekerja	96-97
5.3.2 Mengenalpasti Faktor Penglibatan Pekerja Dalam Pekerjaan Dan Cabaran Ekonomi Gig Dalam Sektor Servis Perkhidmatan Penghantaran Makanan Di Sekitar Kota Kinabalu, Sabah	98-99

5.3.2.1 Faktor-faktor Ekonomi Gig Menjadi Pilihan Dalam Kalangan Para Pekerja	99-100
5.3.2.2 Cabaran Pekerjaan Dalam Sektor Ekonomi Gig	100-101
5.3.2.3 Pendapatan Yang Di Perolehi	101-102
5.4 Perkembangan Analisis Kerangka Konseptual Dan Dapatan Kajian	102-104
5.5 Kesan Kajian	105
5.5.1 Kesan Kepada Skop Ilmu Hubungan Industri	105
5.5.2 Kesan Metodologi	106
5.5.3 Kesan Praktikal	106-107
5.6 Limitasi Dan Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	107
5.6.1 Limitasi Kajian	107-108
5.6.2 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	108-109
5.7 Rumusan	110
RUJUKAN	111-113
LAMPIRAN	114-120

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Contoh transkrip dan kod	47
Jadual 4.1: Maklumat Demografi Informan	61
Jadual 4.2: Kriteria yang diperlukan oleh syarikat atau organisasi servis perkhidmatan penghantaran makanan secara atas talian dalam merekrut pekerja.	64



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1: Asas Motivasi Maslow dan Asas Motivasi Pekerja	30
Sumber: L. Tsum (2001)	
Rajah 2.2: Kerangka Model Pengkaji	31
Rajah 3.1: Research Onion	39
Rajah 3.2: Sejauhmanakah pihak pengurusan syarikat servis perkhidmatan penghantaran makanan dapat menjaga kesejahteraan dan kebajikan sosial para pekerjanya?	49
Rajah 3.3: Mengenalpasti faktor penglibatan pekerja dalam pekerjaan gig dan cabaran pekerjaan ekonomi gig servis perkhidmatan penghantaran makanan do sekitar Kota Kinabalu, Sabah	50
Rajah 5.1: Kerangka Model Pengkaji	104

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	114-116
LAMPIRAN B	117-120
LAMPIRAN KAJIAN LAPANGAN	122-123



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dan menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji dengan menghuraikan beberapa subtopik iaitu latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi terma dan susunan tesis. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk meliha sejauhmanakah kebajikan pekerja dalam sektor ekonomi gig di sekitar kota kinabalu sabah terutamanya dalam servis perkhidmatan penghantaran maknan. Perkhidmatan penghantaran makanan sering digunakan dalam industri makanan atau food & beverage (F&B). Pada era ini servis ini sering digunapakai dalam kalangan masyarakat di dunia, terutamanya golongan pekerja dan juga pelajar.


1.2 Latar belakang kajian

(Walters, D, 2010) isu-isu yang berkenaan dengan kebajikan para bukanlah suatu isu yang sering berlaku dalam kalangan pekerja atau terdapat sektor pekerjaan dalam sektor swasta mahupun sektor awam dan "*Industry Relation*" secara yang seperti kita sedia maklum ia adalah satu bidang yang menyelidik hubungan antara pihak pekerja pihak majikan secara lebih mendalam yang mana perwakilan dan perundingan pekerja secara berkesan dan menaik taraf hasil kesihatan dan keselamatan. Pelbagai banyak perubahan yang berlaku dalam setiap sistem pekerjaan kewujudan pelbagai perubahan dalam sistem perkhidmatan khasnya perkhidmatan penghantaran segera. Dimana perkhidmatan penghantaran segera ini semakin dinaiktaraf agar terus menjadi efisien dalam menyampaikan pesanan-pesanan para pelanggan dan pembeli yang hanya dilakukan dengan secara atas talian sahaja. Pada masa kini, terdapat banyak syarikat-syarikat yang menggunakan sistem penghantaran segera ini dengan mewujudkan ejen penghantar (*rider*) yang berdaftar dibawah nama syarikat tersebut (Azamuddin & Hasrina, 2018). Oleh hal yang demikian, usaha ini dapat membantu dalam menambah pendapatan atau keuntungan kepada syarikat yang mewujudkan ejen penghantar tersebut.

Revolusi industri generasi 4.0 bukan sahaja dapat menyediakan peluang, tetapi juga mendapat kekangan bagi generasi pada masa kini. Kemajuan teknologi baru yang mengintegrasikan dunia fizik, digital dan biologi telah mempengaruhi semua disiplin ilmu, ekonomi, industri dan pemerintah. Kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi sebagai pemacu revolusi industri juga diikuti dengan implikasi lain seperti berlakunya pengurangan tenaga kerja, pekerja terpaksa bekerja diluar waktu pejabat, penggunaan teknologi di tempat kerja menelan kos yang banyak dan proses kerja menjadi lambat dan banyak kerja terbengkalai. Seiring dengan

pandangan Prof Schawab (2017) yang menjelaskan revolusi industri 4.0 telah banyak mengubah hidup dan kerja manusia secara fundamental.

Tempat kerja telah mengalami banyak perubahan dinamik sejak itu dan sukar untuk membayangkan manusia bekerja tanpa menggunakan teknologi. Kejayaan teknologi yang semakin meningkat di tempat kerja mempunyai kesan negatif dan positif. Faedah yang ditawarkan oleh teknologi ini menuntut pengetahuan tentang bagaimana untuk melancar dengan lancar dari satu kejayaan teknologi yang lain dengan kesan negatif yang minimum. Teknologi telah datang jauh sejak zaman Zaman Batu ketika manusia mula membuat pisau dari batu untuk membantunya dalam kerjanya.



Sistem perkhidmatan ini sangat diperlukan di era milineal kini bagi memudahkan para pelanggan untuk tidak menunggu lama semasa melakukan pesanan di samping membantu dalam mengurangkan beban pihak pengurusan restoran untuk mengurus pesanan. Kita sedia maklum bahawa sistem perkhidmatan penghantaran makanan pada sebelum ini adalah sangat berbeza berbanding dengan sistem yang sedia ada sekarang. Dimana sistem yang sebelum ini lebih bersifat tradisional, dilakukan secara manual sepenuhnya. Proses yang terlibat dalam proses pesanan makanan tersebut adalah pelayan, pen, kertas dan sehingga terpaksa menunggu lama (Sim Wei & Haslina, 2018).

(Sarah A. Donovan, David H. Bradley & Jon O. Shimabukuru, 2016) teknologi dan percambahan telefon pintar pada hari ini telah mengubah landskap komersial yang telah memberikan pembekal suatu kaedah yang baru untuk menembusi pasaran. Selain merupakan salah satu sumber baharu yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, ekonomi gig juga adalah merupakan

alternatif yang terbaik bagi memastikan anak muda khususnya dapat bertahan bagi mengharungi badai ekonomi sama ada pada peringkat nasional mahupun global. Selain itu, mereka turut dapat menggunakan kepakaran yang dimiliki untuk menjana pendapatan sama ada secara penuh atau separuh masa seperti pereka grafik, konsultan dan sebagainya. Ekonomi gig bukan sahaja menjadi pilihan anak-anak muda yang tidak mempunyai pekerjaan sahaja, bahkan ramai juga yang memilih untuk berkecimpung di dalam ekonomi gig untuk menjana pendapatan tambahan melalui perkhidmatan seperti yang dijalankan oleh syarikat Foodpanda dan Grab.

Dengan adanya perkhidmatan penghantaran makanan, foodpanda Malaysia percaya masih banyak ruang diterokai walaupun syarikat berkenaan sudah beroperasi di negara ini selama lapan tahun Berita Harian (2020). Bagaimanapun, Pengarah Urusan daripada Foodpanda Malaysia, *Syantas Das* beliau juga berkata, melihat persaingan sengit sebagai sesuatu yang positif kerana ia membolehkan pihaknya terus menghasilkan inovasi di samping mempelbagaikan perkhidmatan yang syarikat itu sediakan. Tidak menafikan perkhidmatan penghantaran semakin berkembang di negara ini dan menghasilkan persaingan yang sihat. Beliau, berkata terdapat pelbagai kesukaran yang dialami tetapi dua masalah utama yang masih sukar ditangani adalah masalah berkaitan cuaca dan kegagalan fungsi peranti menerima isyarat Sistem Pengesanan Global (GPS). Foodpanda kini mempunyai lebih 14,000 penghantar makanan yang bersedia untuk menghantar makanan daripada lebih 18,000 restoran yang berdaftar dengan syarikat berkenaan. Menurut Das mengulas mengenai cabaran yang dihadapi sepanjang beroperasi dan sistem foodpanda bergantung kepada algoritma serta sistem penghantaran dan ia memerlukan semua komponen untuk berkomunikasi dengan antara satu sama lain sama ada dalam pengawanan (cloud) atau dalam infrastruktur itu sendiri

Seterusnya, satu kajian yang dilakukan oleh Zurich- Universiti Oxford (2018), mendapati sebanyak 38% responden di Malaysia, yang bekerja sepenuh masa, ingin memasuki ekonomi gig dalam 12 bulan berikutnya. Menurut Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, (2019), juga mengatakan hampir 40% tenaga kerja akan menjadi pekerja gig dalam lima tahun ke depan, yang mana jauh lebih tinggi daripada rata-rata global sebanyak 20%. (Sargeant, 2017) jika dibandingkan satu dekad yang lalu, jumlah pekerja bebas meningkat dengan pesat, dengan lebih dari satu juta orang bekerja dalam apa yang disebut ekonomi gig (juga dikenali sebagai ekonomi platform. Justeru (Behrendt, C et.al, 2019) kemunculan bentuk pekerjaan baru, seperti bekerja di platform digital ini, sememangnya memerlukan sistem perlindungan sosial yang ada menyesuaikan diri dengan situasi dan keperluan khususnya pekerja tersebut, untuk mewujudkan hak asasi manusia atas jaminan sosial untuk semua.

1.3 Permasalahan kajian

Baru-baru ini pihak Kerajaan ada memberikan jenis-jenis garis panduan berkaitan dengan "*food delivery services*" kepada pelanggan untuk memastikan tiada jangkitan penyakit Covid-19 berlaku semasa tempahan makanan itu disampaikan kepada para pelanggan. Selaras dengan cara-cara Kawalan Penghantaran Makanan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengangkutan mengeluarkan sebuah Garis Panduan Untuk servis Perkhidmatan Penghantaran Makanan secara atas talian dan Bungkus makanan Menggunakan Motosikal (Parcel Hailing – P Hailing) pada April lalu untuk mengawal perkhidmatan penghantaran makanan kepada pelanggan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Panduan yang dikeluarkan ini menetapkan bahawa para penghantar makanan dikehendaki untuk menitik beratkan soal kebersihan dan kesihatan, mengamalkan penjarakan sosial serta memastikan transaksi secara atas

talian yang digunakan semasa penghantaran tempahan sedang berjalan.

Selain itu, bahagian kualiti dan keselamatan makanan dan minuman, daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah mengeluarkan garis panduan mengenai keselamatan makanan yang akan dijual secara atas talian. Garis Panduan Keselamatan minuman dan makanan bagi jenis-jenis makanan yang dijual secara atas Talian (On-line) mengatakan bahawa penghantar makanan mestilah sentiasa dalam keadaan sihat, bersih bagi memastikan bungkusan tidak terbuka atau bocor, beg termos dalam keadaan bersih dan sentiasa bertutup rapat, masa makanan turut dicatat dan dinyatakan pada plastik makanan barangan persendirian juga tidak disertakan bersama-sama minuman dan makanan agar tiada pencemaran berlaku terhadap makanan yang akan dihantar. Bagi tujuan pelaksanaan cara-cara panduan ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diminta bersama-sama membantu pihak kerajaan dengan mengeluarkan permit kepada mereka yang layak sertamemantau pergerakan mereka. Sehubungan itu, PBT membuka pendaftaran kepada penghantar makanan dan hanya mereka yang diberi permit sahaja dibenarkan memberi perkhidmatan ini. Bagi tujuan pemantauan kesihatan pula, Kementerian Pengangkutan mensyaratkan setiap pemohon perlu berdaftar di bawah Mysejahtera yang dipantau MKN.

Selain daripada itu, beberapa penyelidikan atau kajian yang lepas telah menyelidiki pengalaman seseorang yang sudah berkerja dalam sektor gig ekonomi. Ini juga menunjukkan sejumlah jenis pengalaman dan punca-punca menafsirkan setiap pengalaman yang berbeza. Seperti dalam kajian oleh Champion et.al (2020), ia meneroka beberapa jenis-jenis pengalaman seperti keseimbangan kerja dan hidupan serta pertumbuhan prestasi pekerja dalam ekonomi gig platform ini. Terdapat juga beberapa pengkaji yang membincangkan isu yang sama memberikan pendapat mereka bahawa ekonomi gig menghasilkan keadaan pekerja gig

samaada baik dan buruk. Sebagai contoh, (Livanos & Zangelidis, 2012) ada pekerja gig yang baik memperoleh keuntungan dalam pekerjaan mereka, yang menyebabkan peningkatan kepuasan hidup peribadi mereka.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk membantu amalan-amalan yang diberikan penekanan dalam OSH dalam menjada aspek kebajikan sosial para pekerja-pekerja dalam sesebuah organisasi dan tidak mengira jenis organisasi tersebut. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui nasib atau masa depan para pekerja servis perkhidmatan penghantaran makanan ini. Kajian ini juga ingin mengetahui apakah status pekerjaan yang dilakukan oleh para pekerja perkhidmatan penghantaran makanan sama ada secara tetap atau secara kontrak sahaja. Tambahan lagi, kajian yang dijalankan ini juga bertujuan untuk mengetahui peranan pengurus yang berwajib dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja ini semasa pandemik dan endemik Covid-19. Walaupun penyelidikan yang lepas telah menjawab dan memahami pengalaman dalam pekerjaan gig ini. Namun, secara umum juga pengalaman pekerjaan gig dalam platform perkhidmatan, seperti Grab, Foodpanda atau perkhidmatan runner sendiri adalah sangat terhad. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga kurang ditumpukan, terutamanya di Sabah dalam pekerjaan gig ini.

1.4 Persoalan kajian

Seperti pekerjaan zaman dahulu juga, pekerjaan melalui sektor ekonomi gig ini mempunyai isu dan cabaran yang disebabkan oleh sifat pekerjaanya yang begitu kompleks dan dipercayai mempunyai hubungan dengan kebajikan dan kesejahteraan pekerja ekonomi gig. Terdapat beberapa isu yang sering dibangkitkan adalah keadaan yang tidak menentu, perasingan, jaminan pekerjaan

yang kurang selamat dan pengalaman pekerja ekonomi gig. Merujuk kepada tajuk kajian yang akan dilakukan, penyelidik telah menyenaraikan terdapat beberapa persoalan kajian yang telah dikemukakan bagi menentukan persoalan kajian yang hendak dicapai:

1.4.1 Sejauhmanakah hubungan jaminan pekerjaan yang kurang selamat serta kesejahteraan pekerja sektor ekonomi gig dalam kajian?

1.4.2 Sejauhmanakah faktor dan cabaran kesejahteraan sosial pekerja ekonomi gig di Kota Kinabalu, Sabah?

1.5 Objektif kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan adalah dengan tujuan untuk mendapatkan status pekerjaan yang dilakukan oleh beberapa jenis servis perkhidmatan penghantaran makanan tersebut, akan tetapi terdapat objektif yang lebih tepat bagi kajian yang dijalankan ini antaranya ialah:

1.5.1 Mengkaji sejauhmana kah pihak pengurusan ekonomi gig dapat menjaga kesejahteraan dan kebajikan sosial para pekerja

1.5.2 Mengenalpasti faktor-faktor penglibatan pekerja dalam pekerjaan gig dan cabaran pekerjaan ekonomi gig di sekitar Kota Kinabalu, Sabah.

1.6 Skop kajian

Skop kajian ini perlu dijalankan untuk berfokuskan dan mengelakkan daripada